

04/11/1999

Everest permulaan cabaran bagi rakyat

Johnny Giles Senin

PADA Jumaat, 23 Mei 1997, dua rakyat Malaysia memacakkan Jalur Gemilang di puncak Gunung Everest. Pengibaran bendera negara di puncak gunung setinggi 8,848 meter itu, yang tertinggi di dunia, mencatat sejarah negara dan rakyat semestinya berasa megah.

Manusia pertama sampai di puncak dunia itu ialah Sir Edmund Hillary dari New Zealand dan Sherpa Tenzing Norgay dari Nepal pada 29 Mei 1953. Sejak itu ramai yang mengikut jejaknya.

Malaysia pula menghantar ekspedisi mendaki puncak gunung itu 44 tahun kemudian dan dua pendaki negara mencatat sejarah bukan saja untuk diri sendiri tetapi juga untuk Malaysia.

Peristiwa bersejarah itu dicatatkan oleh seorang guru, M Magendran, 33, dan pekerja Shell Malaysia, N Mohanadas, 35, yang berjaya menjejakkan kaki dan memacakkan bendera Malaysia di puncak Everest tepat jam 2.15 petang (waktu Malaysia) pada tarikh keramat 23 Mei 1997 itu.

Walaupun hanya dua daripada 10 anggota pendaki yang berjaya menjejakkan kaki ke puncak Everest, secara keseluruhan pasukan itu adalah antara pendaki yang mempunyai tahap fizikal dan mental tinggi.

Seluruh pasukan itu boleh bergelar wira negara. Antara mereka ialah Ketua Pendaki Projek Malaysia Everest 97, Mejar Mohamad Rizan Mat Hassan, 36, dari Pusat Latihan Peperangan Khusus, Kem Terendak, Melaka; Sarjan Abdul Razak Othman, 35, dari Rejimen Ke-11 Gerak Khas dan Koperal M Moorthy, 28, dari Markas 21 Gerak Khas.

Semangat kerjasama berkumpulan dan kesungguhan untuk memacak bendera Malaysia di puncak gunung tertinggi dunia itu membolehkan mereka mengharungi halangan angin dan ribut salji tebal pada kelajuan 80 kilometer sejam.

Pendakian empat orang yang menjadi harapan iaitu Magendran, Mohanadas, Mohd Fauzan Hassan dan Gary Chong bermula jam 11 malam waktu Nepal (1.20 pagi waktu Malaysia), dari Kem 4 mengambil masa 12 jam untuk tiba ke puncak Everest.

Magendran dan Mohanadas meneruskan pendakian walaupun mengalami kesukaran terutama ketika berada hanya 20 meter dari puncak kerana angin kencang. Mereka merangkak bersama 10 pendaki dari negara lain. Keadaan agak berbahaya kerana salji tebal dan suhu mencapai -28 darjah celsius.

Kejayaan pasukan itu atas semangat 'Malaysia Boleh' tidak dapat dipisahkan daripada hakikat bahawa ia adalah juga kejayaan seluruh rakyat Malaysia. Ia bukti jelas bahawa slogan 'Malaysia Boleh' bukan laungan kosong atau hanya untuk dipekikkan di perhimpunan ramai atau di arena sukan antarabangsa yang disertai pasukan negara.

'Malaysia Boleh' menunjukkan keazaman dan tekad rakyat dalam menjayakan hasrat atau cita-cita yang diidam-idamkan. Apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengilham dan melancarkan Projek Malaysia-Everest '97 pada 4 Jun 1996, seluruh rakyat Malaysia terbabit dalam projek itu.

Berpandukan semangat 'Malaysia Boleh' ini juga kos RM4.5 juta yang diperlukan untuk membiayai projek itu dapat dikumpulkan hasil sokongan rakyat Malaysia.

Ekspedisi itu bukan saja direstui kerajaan, malah seluruh rakyat. Ia berupa satu usaha kebangsaan yang mengandungi erti kepada kita semua. Ekspedisi Everest itu dilancarkan pada saat negara dan bangsa Malaysia sedang ter-tonjol di pentas dunia sebagai sebuah negara yang prestasinya dalam bidang politik, ekonomi dan sosial.

Kejayaan ekspedisi Everest itu menunjukkan bahawa cita-cita yang besar boleh dicapai oleh jiwa yang besar. Semangat 'Malaysia Boleh' memperkuat tekad dan azam pasukan pendaki gunung negara untuk menghadapi segala ujian getir. Kejayaan itu tidak semata-mata lahir daripada semangat kental.

Ekspedisi itu juga menggambarkan kejayaan teknologi negara. Persiapan dan kemudahan harus canggih, memerlukan penguasaan kita terhadap teknologi pendakian gunung setinggi puncak Everest itu. Satu ciri yang menarik daripada kejayaan itu ialah menjadikan kepakaran mendaki gunung sebagai bidang untuk mengharumkan nama negara.

Wira Negara, Magendran mencebur diri dalam kegiatan mendaki gunung sejak 11 tahun lalu. Gunung pertama yang didaki ialah Gunung Datuk di Negeri Sembilan. Sejak itu, beliau terus menyematkan cita-cita untuk mendaki gunung yang lebih tinggi dan berjaya menawan Gunung Tahan, gunung tertinggi di Semenanjung Malaysia serta akhirnya kemuncak tertinggi negara, iaitu Gunung Kinabalu.

Ketika ditemui, Magendran berkata hasratnya tercapai apabila dipilih untuk mengikuti ekspedisi itu. Lebih 100 orang dipilih menjalani latihan. Setelah melalui pelbagai tapisan dan latihan, 25 daripadanya termasuk beliau dipilih mengikuti latihan akhir selama dua tahun setengah.

"Kami dilatih dengan pelbagai aspek di dalam dan luar negara. Tujuannya ialah melatih kami terutama dari segi ketahanan fizikal dan mental. Selepas menjalani latihan akhir pada 1996, cuma 10 orang terbaik dipilih untuk mendaki Gunung Everest.

"Kami memulakan ekspedisi pada 1 Mac 1997. Semua anggota berlepas ke Kathmandu tetapi saya pergi dua hari kemudian kerana dipertanggungjawab menguruskan peralatan ekspedisi ke Gunung Everest.

"Dari Kathmandu kami bertolak ke Everest Base Camp. Dalam rangka menyesuaikan diri dari Base Camp ke kem yang lebih atas, lima orang terbaik dipilih untuk menjalani percubaan ke puncak Gunung Everest itu. Dalam proses penyesuaian diri, saya terpilih sebagai salah seorang yang terbaik.

"Oleh itu, saya bersama empat lagi rakan dipilih untuk membuat percubaan seterusnya. Dalam proses penyesuaian itu kami selalu turun naik gunung berkenaan tetapi tidak terus cuba mendaki ke puncak.

"Kalau ia adalah Gunung Jerai atau Gunung Datuk, kami boleh mendakinya terus ke puncak, tetapi tidak bagi Gunung Everest. Ini kerana Base Camp di gunung ini saja lebih tinggi daripada Gunung Kinabalu iaitu 5,400 meter.

"Jadi untuk mendaki gunung yang sebegitu tinggi kami harus menyesuaikan diri. Itulah sebabnya kami terpaksa turun dan naik gunung itu.

"Dari Base Camp kami naik ke Kem Satu kemudian turun semula ke Base Camp. Setelah berehat sehari dua kami mendaki ke kem yang satu lagi. Setelah bermalam di Kem Satu, keesokannya kami naik ke Kem Dua.

"Kami terpaksa turun dan kemudian naik semula ke kem yang lebih tinggi pada hari berikutnya. Begitulah yang terpaksa kami lakukan dari semasa ke semasa untuk menyesuaikan diri.

"Percubaan pertama kami menakluk puncak Gunung Everest gagal kerana pada hari itu cuaca buruk. Pada hari itu juga seorang daripada sherpa kami meninggal dunia apabila tergelincir dan jatuh 600 meter iaitu dari Kem Tiga ke Kem Dua.

"Bayangkan ketinggian ini sebenarnya jauh lebih tinggi daripada Menara Kuala Lumpur. Kami terpaksa turun semula ke Base Camp dan berehat selama seminggu sebelum membuat percubaan terakhir.

"Cuaca pula buruk sepanjang masa. Kami berasa bimbang kemungkinan balik ke tanah air tanpa mendaki Gunung Everest.

"Sesungguhnya kami berasa sedih kerana cuaca tidak mengizinkan kami teruskan pendakian. Kami bersyukur kepada Tuhan dan berkat doa rakyat Malaysia, pada 18 Mei cuaca mula berubah.

"Kami naik semula ke Kem Dua. Pada 19 dan 20 Mei, di Kem Dua cuaca buruk kembali. Pada 21 Mei kami naik ke Kem Tiga dan pada 22 Mei kira-kira jam 5 pagi kami bertolak dari Kem Tiga ke Kem Empat.

"Tengah hari kami sampai di Kem Empat. Pada hari itu walaupun cuaca baik, angin bertiup kencang. Kami hanya duduk di dalam khemah dan hanya meneruskan pendakian pada jam 11 malam hari yang sama.

"Dalam perjalanan, dua rakan kami Mohd Fauzan dan Gary Chong terpaksa berundur kerana menghadapi masalah kesihatan. Saya bersama Mohanadas terus mendaki dan akhirnya pada jam 11.55 pagi, 23 Mei saya menjadi rakyat Malaysia pertama berjaya ke puncak Gunung Everest.

"Pada masa itu walaupun bangga, saya berasa sedih kerana dua rakan kami tidak dapat bersama. Pendek kata bermacam-macam perasaan ketika itu, walau apa pun kami berjaya mengharumkan nama negara yang sememangnya sedia terserlah," katanya.

Kepulangan wira negara itu disambut meriah dan penuh emosi oleh kira-kira 5,000 orang termasuk ahli keluarga dan sahabat handai. Pekikan "Malaysia Boleh" dan "Yakin Boleh" bergema sebaik saja kumpulan itu keluar dari bilik orang kenamaan ketika tiba dari Nepal di Terminal Satu, Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang.

Adalah jelas bahawa kejayaan negara menakluki Everest membabitkan perancangan rapi dan pengorbanan seluruh rakyat. Semangat ini jugalah yang menjadi asas kejayaan negara dalam semua projek yang dirancang untuk pembangunan negara, malah dalam semua bidang.

Dan, semestinya Gunung Everest bukan cabaran terakhir bagi rakyat negara ini. Dengan semangat 'Malaysia Boleh' kita percaya rakyat Malaysia boleh menakluki banyak lagi cabaran pada abad ke-21.